Peneraju Transformasi
Modal **Insan**
Perkhidmatan Pendidikan

2017
LAPORAN TAHUNAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

LAPORAN TAHUNAN 2017

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

6 Perutusan Pengerusi

10 Pena Setiausaha

14 Ringkasan Eksekutif

18 Latar Belakang

24 Ahli SPP

30 Urus Setia SPP

Carta Organisasi
Perjawatan
Fungsi Bahagian

40 Urusan Pengambilan

50 Urusan Perkhidmatan

56 Urusan Kenaikan Pangkat dan Kawalan Tatatertib

62 Pengurusan Maklumat

70 Urus Setia Cawangan Sabah

74 Urus Setia Cawangan Sarawak

80 Prestasi Kewangan

82 Mesyuarat Suruhanjaya

86 Program dan Aktiviti

98 Diari 2017

118 Liputan Media

122 Pengiktirafan

126 Penghargaan

128 Glosari

130 Lagu SPP

PERUTUSAN PENGERUSI

PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana atas limpah kurnia dan rahmatNya Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) edisi 2017 telah berjaya diterbitkan. Syabas dan tahniah kepada warga SPP atas sumbangan sama ada langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Laporan ini.

Pada tahun 2017, SPP telah berjaya mengadakan pelbagai program dan aktiviti yang dirancang di mana kebanyakan program tersebut merupakan kesinambungan dari tahun sebelumnya seperti Taklimat Pelaksanaan Sistem ePROPER dan Pembangunan Sistem Pemarkahan Temu Duga Versi 2.0. Di samping itu, SPP turut mengadakan dua (2) program baharu iaitu Program Bual Bicara Ahli Suruhanjaya Bersama Warga Pendidikan dan Sesi Konsultasi Urusan Perkhidmatan dan Tatatertib SPP.

Kedua-dua program tersebut telah dilaksanakan secara bersepadu di Pulau Langkawi, Kedah dan Kota Kinabalu, Sabah. Objektif utama Program Bual Bicara adalah sebagai medium di mana Ahli Suruhanjaya dapat berkongsi pengalaman sewaktu berkhidmat sebagai pegawai tinggi Kerajaan sebelum bersara dengan warga pendidik. Manakala Sesi Konsultasi pula merupakan sesi khidmat nasihat yang dikendalikan oleh pegawai-pegawai SPP bersama Ketua Jabatan bagi menyelesaikan isu-isu berkaitan urusan perkhidmatan dan tatatertib Anggota Perkhidmatan Pendidikan.

Pada tahun ini juga, Pelan Strategik ICT SPP telah dilancarkan untuk menjadi panduan kepada warga SPP supaya dapat melaksanakan program yang dirancang agar selaras dengan visi dan misi yang ditetapkan. Terdapat empat (4) teras utama dalam Pelan ini iaitu Sistem Aplikasi sebagai Pemudah Cara, Mempertingkatkan Infrastruktur ICT bagi Menjamin Kesinambungan Perkhidmatan, Pembudayaan Menjana Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan dan Pemerkasaan Tadbir Urus ICT. Pelan ini diharapkan dapat menyediakan keadaan dan infrastruktur ICT paling kondusif bagi membolehkan SPP melaksanakan fungsi-fungsinya dengan efisien dan efektif.

Tahun 2017 telah memberikan satu impak yang besar kepada SPP terutama dari perspektif politik dan ekonomi. Walau bagaimanapun, saya percaya, dengan kesungguhan dan sokongan oleh seluruh warga SPP, Suruhanjaya akan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan kekal relevan seiring perubahan masa.

“Suruhanjaya akan terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan dan kekal relevan seiring perubahan masa”

Salam hormat dan terima kasih.

TAN SRI DR. HAILI BIN DOLHAN

Pengerusi
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

PENA SETIAUSAHA

PENA SETIAUSAHA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera

Alhamdulillah saya mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana pada tahun ini, Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dapat diterbitkan. Buku ini merupakan laporan yang direkodkan untuk memberi maklumat kepada semua pihak mengenai program dan aktiviti yang berjaya dilaksanakan dalam tahun 2017 selaras dengan fungsi SPP. Ia juga menjadi kayu pengukur ke atas keberkesanan usaha penambahbaikan yang sedang dijalankan bagi urusan-urusan pengambilan, perkhidmatan dan tatatertib khususnya yang melibatkan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

Sepanjang tahun 2017, bagi urusan pengambilan, SPP telah menerima 241,792 permohonan bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi dan Anggota Kumpulan Pelaksana. Daripada jumlah tersebut, seramai 20,301 calon (8.4%) telah menghadiri temu duga dan 10,111 calon (49%) yang berjaya ditawarkan pelantikan ke sektor pendidikan. Bagi urusan perkhidmatan dan tatatertib, seramai 6,585 pegawai disahkan dalam perkhidmatan dan 16,907 pegawai diberikan taraf berpencen. Suruhanjaya juga telah membuat keputusan ke atas 75 kes tatatertib APP dan 116 kes rayuan tatatertib.

Selaras dengan ketetapan Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007, SPP berjaya mengadakan 24 kali Mesyuarat Suruhanjaya, 24 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib dan 11 kali Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat dalam tahun ini. Sejumlah 459 kertas Suruhanjaya telah dibentangkan dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut.

Pada tahun ini, SPP giat menjalankan pelbagai program dan aktiviti bagi mendekatkan hubungan yang sedia terjalin dengan warga sektor pendidikan. Antara program yang diadakan adalah taklimat Sistem ePROPER di seluruh negara bertujuan untuk memberi panduan mengenai penggunaan sistem urusan perkhidmatan dalam talian bagi APP yang dijangka dilaksanakan secara menyeluruh pada tahun 2018. Selain itu, SPP turut mengadakan program baharu pada tahun ini iaitu Program Bual Bicara Ahli Suruhanjaya Bersama Warga Pendidikan yang berjaya dilaksanakan di Pulau Langkawi dan Kota Kinabalu, Sabah. Sambutan yang diterima amat menggalakkan dan SPP berhasrat untuk meneruskan Program Bual Bicara ini pada masa akan datang.

Sebagai Pihak Berkuasa Melantik bagi sektor pendidikan, SPP komited untuk melantik APP yang terbaik bagi memastikan agenda pendidikan negara terlaksana dengan jayanya. Apabila melihat pencapaian pada tahun ini, saya yakin dengan dedikasi seluruh warga SPP dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan, Suruhanjaya akan terus menjadi agensi kerajaan yang cemerlang terutama dalam usaha Merakyatkan Perkhidmatan Awam.

“SPP komited untuk melantik APP yang terbaik bagi memastikan agenda pendidikan negara terlaksana dengan jayanya”

Sekian, terima kasih.

DATUK ABU BAKAR BIN IDRIS

Setiausaha
Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan ini disediakan berdasarkan Fasal 1 Perkara 146 Perlembagaan Persekutuan yang menghendaki SPP menyediakan satu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di Parlimen.

SPP telah ditubuhkan pada 1 Januari 1974 di bawah Fasal 1 Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan. Penubuhannya ialah hasil daripada syor yang dikemukakan oleh Suruhanjaya di-Raja Aziz untuk bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik (PBM) bagi Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP).

Fungsi SPP mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan adalah melaksanakan pelbagai urusan yang melibatkan APP seperti pelantikan, pengesahan dalam perkhidmatan, kemasukan ke dalam perjawatan tetap atau berpencen, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib.

Sepanjang tahun 2017, SPP telah mengendalikan urusan pelantikan, perkhidmatan, kenaikan pangkat dan kawalan tatatertib seperti berikut:

URUSAN PELANTIKAN	BILANGAN
PERMOHONAN	241,792
TEMU DUGA	20,301
TAWARAN PELANTIKAN	10,111
PENGESAHAN PELANTIKAN	9,043

URUSAN PERKHIDMATAN	BILANGAN
PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN	6,565
PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN	551
PEMBERIAN TARAF BERPENCEN	16,907
PELANTIKAN SECARA KONTRAK	666
PERTUKARAN SEMENTARA	305
PERTUKARAN TETAP	2
PEMINJAMAN PEGAWAI	39

URUSAN KENAIKAN PANGKAT DAN KAWALAN TATATERTIB	BILANGAN
RAYUAN NAIK PANGKAT	80
KES TATATERTIB	75
HUKUMAN TATATERTIB	73
RAYUAN TATATERTIB	116

Bagi urusan mesyuarat, SPP telah mengadakan Mesyuarat Suruhanjaya sebanyak 24 kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak 24 kali dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak 11 kali dalam tahun 2017.

Bilangan kertas yang telah dibentangkan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya adalah seperti berikut:

MESYUARAT SURUHANJAYA	BILANGAN
KERTAS PENGAMBILAN	116
KERTAS PERKHIDMATAN	91
KERTAS TATATERTIB	124
KERTAS DASAR	1
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	**BILANGAN**
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	116
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT	**BILANGAN**
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	11

Bagi tahun 2017, SPP telah diperuntukkan sebanyak RM21,699,750 bagi perbelanjaan pengurusan yang terdiri dari RM15,770,000 untuk belanja mengurus Urus Setia dan sejumlah RM5,329,750 untuk pengurusan Ahli Suruhanjaya. Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah RM20,272,397.60 iaitu 96.08% daripada jumlah yang diperuntukkan.

LATAR BELAKANG

PENUBUHAN DAN KEANGGOTAAN

SPP ditubuhkan mengikut Perkara 141A (1) Perlembagaan Persekutuan berkuat kuasa mulai 1 Januari 1974. Keanggotaan SPP terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas orang Ahli Suruhanjaya.

FUNGSI SPP

SPP bertindak sebagai Pihak Berkuasa Melantik dalam perkhidmatan pendidikan dengan menjalankan tugasnya mengikut Fasal 1 Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan, iaitu:

1. melantik;
2. mengesahkan;
3. memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen;
4. menaikkan pangkat;
5. meluluskan pertukaran pelantikan atau pertukaran perkhidmatan; dan
6. menjalankan kawalan tatatertib.

PENURUNAN KUASA FASAL 5B PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Semua kuasa dan tugas SPP kecuali kuasa pelantikan pertama bagi perjawatan tetap atau berpencen boleh dijalankan oleh Lembaga yang dilantik oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Dengan perbekalan ini, Lembaga-lembaga Kenaikan Pangkat dan Lembaga-lembaga Tatatertib telah ditubuhkan bagi menjalankan tugas-tugas menaikkan pangkat dan mengawal tatatertib yang tertentu. Dengan penubuhan Lembaga-lembaga yang tersebut, maka SPP tidak menjalankan tugas-tugas bagi menaikkan pangkat kecuali untuk kenaikan pangkat Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) dan beberapa tugas mengawal tatatertib yang tertentu.

KAEDAH-KAEDAH SURUHANJAYA FASAL 8 PERKARA 144 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

SPP boleh membuat kaedah-kaedah bagi mengatur acaranya dan menetapkan bilangan anggotanya untuk menjadikan kuorum. Kaedah-kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Pindaan) 2009 dikuatkuasakan melalui P.U.(A) 321 bertarikh 3 September 2009.

LAPORAN TAHUNAN DI BAWAH FASAL 1 PERKARA 146

SPP hendaklah menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan seterusnya dibentangkan di Parlimen.

MISI
Melantik dan mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan melalui pengurusan perkhidmatan yang transformatif
VISI
Peneraju Transformasi Modal Insan Perkhidmatan Pendidikan

KOD ETIKA
T
Tegas, Adil dan Profesional
E
Efisien dan Efektif
K
Keikhlasan dan Kesyukuran
A
Amanah dan Akauntabiliti
D
Dinamik dan Berdisiplin

PIAGAM PELANGGAN

SPP berikrar akan menjalankan tugas dan tanggungjawabnya dengan cekap, adil dan saksama. SPP komited untuk mencapai Piagam Pelanggan di **Jadual 1**.

Jadual 1: Piagam Pelanggan

URUSAN	PIAGAM
Pengambilan	Diselesaikan tidak lewat **lapan (8) minggu** dari tarikh permohonan lengkap diterima daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) tertakluk kepada perkara berikut: • Jadual temu duga yang diluluskan oleh SPP; • Keputusan muktamad kekosongan jawatan oleh KPM dan KPT; • Permohonan yang lengkap daripada calon mengikut bidang yang dipohon; dan • Tidak tertakluk kepada calon pengambilan khas seperti Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP) dan penggabungan sesuatu skim perkhidmatan.
Perkhidmatan	Tidak lewat daripada **enam (6) minggu** daripada tarikh perakuan lengkap diterima.
Tatatertib	• Surat Keputusan Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai bagi urusan tindakan tatatertib am tidak lewat dari tempoh **12 minggu** setelah representasi dan ulasan Ketua Jabatan lengkap diterima; dan • Surat Keputusan Suruhanjaya dikeluarkan kepada pegawai bagi urusan rayuan tatatertib dan rayuan naik pangkat naik pangkat tidak lewat dari tempoh setelah surat rayuan dan dokumen lain lengkap diterima.
Khidmat Pengurusan	• Makluman akuan penerimaan aduan dilaksanakan dalam tempoh **satu (1) hari** bekerja; • Maklum balas aduan akan diberikan dalam tempoh **lima (5) hari** bekerja; dan • Pembayaran bil diselesaikan tidak lewat **14 hari** daripada tarikh permohonan lengkap diterima

LOKASI SPP

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Ibu Pejabat Putrajaya)

Aras 1-4, Blok B3
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000
Faks: 03-8871 7499

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Urus Setia Cawangan Sabah)

Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-488 521/522/523/524
Faks: 088-487 257

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (Urus Setia Cawangan Sarawak)

Aras 3 & 4, Bangunan Lee Onn
Lot 1546, Blok 17, KCLD
Jalan Lapangan Terbang
93250 Kuching,Sarawak
Tel: 082-537 000
Faks: 082-537 027

AHLI SURUHANJAYA

AHLI SURUHANJAYA

SPP diperuntukkan seramai tiga belas Ahli Suruhanjaya (ASJ) yang terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan sebelas ahli yang lain. Ahli Suruhanjaya dilantik oleh DYMM Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat Perdana Menteri dan persetujuan Majlis Raja-Raja. Pada tahun 2017, Suruhanjaya dianggotai oleh:

1 **YBhg. Tan Sri Dr. Haili Bin Dolhan**
Pengerusi

2 **YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal Bin Talib**
Timbalan Pengerusi

3 YBhg. Dato' Dr. Lee Boon Hua

4 YBhg. Datuk Hj Mohlis Bin Hj Jaafar

5 YBhg. Dato' Misrah Bin Haji Ibrahim

6 YBhg. Dato' Haji Sufaat Bin Tumin

7 Encik Choy Lup Bong

8 YBhg. Dato' S. Kumaran

9 YBhg. Dato' Haji Mohd Sani Bin Mistam

10 YBrs. Dr. Masnah Binti Ali Muda

11 Puan Hajah Serina Binti Sauni

12 YBhg. Dato' Dr. Azmi Bin Shapie



AHLI SURUHANJAYA

YANG TELAH TAMAT KONTRAK PERKHIDMATAN



13 YBhg. Dato' Seri Dr. Abdul Rahman Bin Hashim
(05.02.2014 - 04.02.2017)

14 YBrs. Encik Awangku Ali Bin Pg. Jumaat
(07.05.2014 - 06.05.2017)

15 YBrs. Tuan Haji Osman Bin Haji Abd. Aziz
(05.12.2014 - 04.12.2017)

16 YBrs. Encik Morazuki Bin Hashim
(05.12.2014 - 04.12.2017)

URUS SETIA SPP

URUS SETIA SPP

Urusan pentadbiran SPP dilaksanakan oleh seorang Setiausaha bersama dua orang Timbalan Setiausaha dan sepuluh orang Setiausaha Bahagian. Secara keseluruhannya, sejumlah 247 orang pegawai dan kakitangan sedang berkhidmat di tiga buah pejabat SPP iaitu di Ibu Pejabat Putrajaya, Urus Setia Cawangan Sabah dan Urus Setia Cawangan Sarawak.

1 **YBhg. Datuk Abu Bakar Bin Idris**
Setiausaha

2 **Encik Chin Weng Peng**
Timbalan Setiausaha
Pengambilan dan Perkhidmatan

3 **Encik Mahpof Bin Mahmood**
Timbalan Setiausaha
Pengurusan

4 **Encik Mohamad Fahmi Bin Mohd Latib**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Bukan Guru

5 **Encik Shuhardi Turaz Radzik Bin Aznan**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengambilan Guru

6 **Encik Hazlan Bin Hashim**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Naik Pangkat Dan Tatatertib

7 **Puan Zuliana Binti Mohd Akob**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Dasar Dan Perancangan

8 **Puan Rosmashilah Binti Omar**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perkhidmatan

9 **Puan Rozila Binti Megat Othman**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat

10 **Puan Zarita Binti Dato' Zainol Abidin**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan

11 **Puan Nor Ilanah Binti Roslan**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Keurusetiaan

12 **Encik Zamzul @ Rosmadi Bin Rebbin**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sabah

13 **Puan Intanur Suria Binti Wahabi**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sarawak

URUS SETIA SPP

YANG TELAH BERTUKAR KELUAR

14 **Puan Maheran Binti Abdul Rahman**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Pengurusan Maklumat
Sehingga 13.03.2017

15 **Puan Intan Zainab Binti Mohd Bustan**
Setiausaha Bahagian
Urus Setia Cawangan Sabah
Sehingga 19.08.2017

16 **Puan Wan Nurulhidayah Binti Wan Samsudin**
Setiausaha Bahagian Bahagian Keurusetiaan
Sehingga 04.09.2017

17 **Puan Zarita Binti Dato' Zainol Abidin**
Setiausaha Bahagian
Bahagian Khidmat Pengurusan
Sehingga 01.11.2017

CARTA ORGANISASI



PERJAWATAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN	IBU PEJABAT	CAWANGAN SABAH	CAWANGAN SARAWAK	JUMLAH
PENGURUSAN TERTINGGI	2	-	-	2
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	34	4	4	42
SOKONGAN	174	21	21	216
JUMLAH	**210**	**25**	**25**	**260**

FUNGSI BAHAGIAN

Bahagian Pengambilan Guru

Menguruskan pelantikan tetap jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) seperti berikut:

- Menerima unjuran keperluan pengisian jawatan calon PPP mengikut keperluan opsyen dari KPM
- Menyenaraikan calon yang berkelayakan untuk dipanggil temu duga
- Melaksanakan urusan temu duga
- Menguruskan tawaran dan pengesahan pelantikan tetap

Bahagian Pengambilan Bukan Guru

Menguruskan pelantikan tetap jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi (PPPT) dan Anggota Kumpulan Pelaksana (AKP) seperti berikut:

- Menyediakan maklumat berhubung penyiaran iklan jawatan PPPT dan AKP
- Menyenaraikan calon yang berkelayakan untuk dipanggil temu duga
- Melaksanakan urusan temu duga
- Menguruskan tawaran dan pengesahan pelantikan tetap

Bahagian Perkhidmatan

Melaksanakan urusan perkhidmatan bagi APP yang merangkumi:

- Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP)
- Pelanjutan Tempoh Percubaan (PTP)
- Pemberian Taraf Berpencen (PTB)
- Pelantikan sementara, pelantikan secara pertukaran sementara / peminjaman / pertukaran tetap
- Penamatan perkhidmatan
- Pertukaran pelantikan
- Pelantikan kontrak
- Kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu

Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib

Melaksanakan urusan naik pangkat dan kawalan tatatertib bagi APP seperti berikut:

- Mengendalikan urusan tatatertib am dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Mengendalikan urusan tatatertib jenayah bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Tahan Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur Perintah Gantung Kerja bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Menjalankan prosedur pewartaan bagi kes tidak hadir bertugas dan tidak dapat dikesan bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Pengurusan Tertinggi PPP / PPPT
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib am bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan tatatertib jenayah bagi APP
- Mengendalikan urusan rayuan kenaikan pangkat APP

Bahagian Dasar dan Perancangan

Memantau pelaksanaan dasar-dasar semasa di samping melaksanakan tugas-tugas berikut:

- Memastikan dasar SPP adalah terkini dan selaras dengan hala tuju Kerajaan semasa
- Merangka dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik SPP
- Menyemak, mengemas kini dan menyediakan pekeliling SPP
- Menyediakan Laporan Tahunan SPP
- Menyelaras maklumat SPP seperti data, statistik dan maklum balas untuk kegunaan agensi kerajaan lain dan pihak-pihak berkepentingan

Bahagian Pengurusan Maklumat

Memastikan Pengurusan Maklumat SPP adalah selaras dengan perkembangan teknologi ICT terkini dengan melaksanakan perkara-perkara berikut:

- Membangun, melaksana dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat (PSTM) SPP
- Membangun dan memantau pematuhan Dasar Keselamatan ICT (DKICT) SPP
- Membangun dan menyelenggara sistem aplikasi SPP
- Membangun dan menyelenggara Portal SPP
- Memastikan keselamatan dan kawalan ICT terjamin
- Merancang dan melaksanakan perolehan ICT
- Merancang dan melaksanakan latihan penggunaan sistem aplikasi SPP
- Merancang dan mengurus aset ICT SPP
- Menguruskan pusat data SPP
- Menyediakan khidmat bantuan teknikal berkaitan ICT

Bahagian Khidmat Pengurusan

Bertanggungjawab mengendalikan urusan berkaitan warga SPP seperti berikut:

- Menguruskan hal-ehwal perkhidmatan, pengurusan sumber manusia dan prestasi serta kawalan tatatertib
- Merancang, melaksanakan dan memantau program latihan dalaman dan luaran
- Menguruskan kewangan SPP
- Menguruskan aspek pentadbiran am pejabat, pengurusan aset, keselamatan, penyelenggaraan, keperluan logistik dan perhubungan awam
- Menyelaraskan pelaksanaan modul / submodul aplikasi HRMIS

Bahagian Keurusetiaan

Mengurus setia mesyuarat-mesyuarat berikut:

- Mesyuarat Suruhanjaya (MSJ)
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan (MLRTT)
- Mesyuarat Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pendidikan (MLRKP)
- Mesyuarat Search Committee Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Unit Integriti

Bertanggungjawab ke atas pengukuhan integriti dan tadbir urus SPP dengan melaksanakan tugas-tugas berikut:

- Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) SPP
- Urus Setia Lembaga Tatatertib SPP
- Pematuhan terhadap peraturan semasa yang berkuat kuasa
- Pengesanan dan pengesahan terhadap laporan audit yang diterima
- Menyelaras proses siasatan terhadap laporan pelanggaran tatatertib yang diterima

Urus Setia Cawangan Sabah dan Sarawak

Melaksanakan urusan pengambilan dan perkhidmatan APP di Sabah dan Sarawak seperti berikut:

- Menubuhkan Lembaga Permulaan untuk membuat tapisan terhadap calon-calon APP yang telah mengemukakan permohonan bagi tujuan panggilan temu duga
- Menguruskan pelaksanaan temu duga bagi calon-calon APP dan memperakukan senarai calon berjaya bagi tujuan tawaran lantikan ke dalam perkhidmatan pendidikan
- Menguruskan tawaran pelantikan calon APP yang berjaya dalam temu duga
- Menyemak dan memperakukan urusan Pengesahan Pelantikan Tetap (PPT), PDP, PTB dan PTP APP serta rayuan berkaitan urusan tersebut
- Menguruskan pelantikan kontrak dan urusan tukar lantik bagi APP
- Menguruskan kes penamatan perkhidmatan APP
- Memberikan khidmat sokongan dalam urusan temu duga seperti logistik kepada Ahli Suruhanjaya, Pengerusi dan Wakil Jabatan

Menguruskan hal-ehwal pentadbiran cawangan seperti berikut:

- perhubungan awam yang meliputi penganjuran program *outreach* dan pengurusan aduan
- peningkatan kualiti, produktiviti dan keselamatan dengan mengikuti program akreditasi dan persijilan di peringkat Jabatan
- pengurusan sumber manusia seperti penyelenggaraan rekod kehadiran dan cuti, pembangunan sumber manusia, sokongan urusan perkhidmatan dan pengemaskinian Buku Rekod Perkhidmatan
- pengurusan surat, rekod dan fail pentadbiran cawangan serta perkhidmatan APP yang berkaitan dengan fungsi SPP
- pentadbiran am seperti aktiviti penyelenggaraan dan penyediaan keperluan peralatan dan logistik

Mengurus dan mengawal selia aktiviti kewangan cawangan seperti berikut:

- penyediaan anggaran peruntukan mengurus tahunan
- pengurusan dan pelaporan peruntukan dan perbelanjaan yang meliputi pelaksanaan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun serta Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan
- pematuhan ke atas prosedur dan garis panduan pengurusan kewangan Kerajaan

Melaksanakan aktiviti pengurusan maklumat seperti berikut:

- memastikan keselamatan dan kawalan ICT serta pematuhan terhadap Dasar Keselamatan ICT (DKICT) di peringkat cawangan
- menguruskan penyelenggaraan sistem aplikasi, *network* dan aset fizikal ICT
- memberikan khidmat sokongan teknikal kepada pelanggan, *stakeholder* dan warga kerja yang menggunakan aplikasi perkhidmatan SPP

URUSAN PENGAMBILAN

URUSAN PENGAMBILAN

Proses pengambilan yang dilaksanakan oleh SPP bermula apabila KPM atau KPT memaklumkan bilangan kekosongan jawatan APP yang merangkumi PPP, PPPT dan AKP yang perlu diisi. Pengisian jawatan PPP adalah daripada graduan pendidikan keluaran Universiti Awam (UA) dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM). Manakala calon PPPT dan AKP diambil daripada permohonan yang dikemukakan melalui *JobsMalaysia.* Senarai skim perkhidmatan dilantik oleh SPP adalah seperti di **Jadual 2.**

Jadual 2 : Senarai Skim Perkhidmatan Yang Diuruskan Oleh SPP

JAWATAN
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
PPP GRED DG41 / DG29
PPPT GRED DH53/DH51/DH47/DH43/DH41/DH33/DH31/DH29
ANGGOTA KUMPULAN PELAKSANA
PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) [PT(P/O)] GRED N19
PEMBANTU TADBIR (KEWANGAN) [PT(KEW)] GRED W19
PENYELIA ASRAMA GRED N19
PEMBANTU PENGURUSAN MURID (PPM) GRED N19
PEGAWAI KHIDMAT PELANGGAN (PKP) GRED N19
PEMBANTU MAKMAL (PM) GRED C19
PEMBANTU OPERASI (PO) GRED N11
PEMANDU KENDERAAN GRED H11
PEMBANTU AWAM GRED H11

Secara keseluruhannya SPP menerima **241,792** permohonan untuk pengisian jawatan di sektor pendidikan dalam tahun 2017. Daripada jumlah tersebut, **20,301** calon telah dipanggil temu duga dan **10,080** calon telah ditawarkan pelantikan. Ringkasan urusan pelantikan mengikut skim perkhidmatan yang dilaksanakan oleh SPP adalah seperti di **Jadual 3.** Manakala perbandingan jumlah permohonan, temu duga dan tawaran pelantikan serta pecahannya mengikut skim perkhidmatan ditunjukkan di **Carta 1.**

Jadual 3 : Bilangan Permohonan, Temu Duga Dan Tawaran Pelantikan Jawatan PPP, PPPT Dan AKP Bagi Tahun 2017

URUSAN	JAWATAN			JUMLAH
	PPP	PPPT	AKP	
PERMOHONAN	21,919	46,497	173,376	241,792
TEMUDUGA	9,219	226	10,856	20,301
TAWARAN PELANTIKAN	7,868	31	2,212	10,111

Carta 1 : Perbandingan Urusan Pelantikan Mengikut Kategori / Skim Perkhidmatan Bagi Tahun 2017



URUSAN PENGAMBILAN PPP

Calon bagi jawatan PPP adalah terdiri daripada graduan seperti berikut:

NO.	SENARAI GRADUAN
1	GRADUAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA PERGURUAN (PISMP) DARIPADA IPGM
2	GRADUAN IJAZAH SARJANA MUDA PENDIDIKAN (ISMP) DARIPADA UA
3	GRADUAN PROGRAM TEACH FOR MALAYSIA (TFM)
4	GRADUAN PROGRAM PERMATA PINTAR DAN PERMATA KURNIA
5	GRADUAN CALON INTERIM SABAH DAN SARAWAK
6	GRADUAN SEKOLAH AGAMA BANTUAN KERAJAAN (SABK)
7	GRADUAN PROGRAM PELAJAR CEMERLANG (PPC)
8	GRADUAN PROGRAM KEMBAR PRA-PERKHIDMATAN (PKP)
9	GRADUAN PROGRAM LATIHAN PERGURUAN PERINGKAT IJAZAH PERTAMA (PLPPIP)
10	GRADUAN SKIM LATIHAN TENAGA PENGAJAR PROGRAM MATRIKULASI (SLTPPM)
11	GRADUAN SEKOLAH SENI MALAYSIA (SSM)

Perangkaan urusan pengambilan PPP mengikut gred jawatan adalah seperti di **Jadual 4.**

Jadual 4 : Urusan Pegambilan PPP Bagi Tahun 2017

URUSAN / WILAYAH	PERMOHONAN	TEMUDUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PPP DG41			
SEMENANJUNG	6,145	7,314	5,564
SABAH	3,022	901	1,012
SARAWAK	4,757	944	1,232
JUMLAH	**13,924**	**9,159**	**7,808**
PPP DG29			
SEMENANJUNG	3,958	60	60
SABAH	1,751	-	-
SARAWAK	2,286	-	-
JUMLAH	**7,995**	**60**	**60**
JUMLAH KESELURUHAN	**21,919**	**9,219**	**7,868**

URUSAN PENGAMBILAN PPPT

Urusan pengambilan PPPT bagi tahun 2017 melibatkan calon daripada pasaran terbuka dan calon tajaan Skim Latihan Tenaga Pengajar (SLTP). Perangkaan urusan pengambilan PPPT melibatkan calon pasaran terbuka adalah seperti di **Jadual 5** manakala yang melibatkan calon tajaan SLTP adalah seperti di **Jadual 6.**

Jadual 5 : Urusan Pegambilan PPPT Bagi Tahun 2017 (Pasaran Terbuka)

URUSAN / WILAYAH	PERMOHONAN	TEMUDUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PPPT DH41			
SEMENANJUNG	24,051	225	(Tawaran pelantikan pada tahun 2018)
SABAH	1,870	-	-
SARAWAK	3,172	-	-
JUMLAH	**29,093**	**225**	**-**
PPPT DH29			
SEMENANJUNG	14,430	1	(Tawaran pelantikan pada tahun 2018)
SABAH	1,267	-	-
SARAWAK	1,707	-	-
JUMLAH	**17,404**	**1**	**-**
JUMLAH KESELURUHAN	**46,497**	**226**	**-**

Jadual 6 : Urusan Pelantikan PPPT Bagi Tahun 2017 (Calon Tajaan SLTP)

JENIS PELANTIKAN / URUSAN	PELANTIKAN SEMENTARA	PELANTIKAN TETAP
TEMUDUGA	-	29
TAWARAN PELANTIKAN	-	29

Selain itu, pengambilan secara *Lateral Entry* turut dilaksanakan bagi bidang-bidang kritikal. *Lateral Entry* bermaksud pengambilan PPPT ke gred-gred kenaikan pangkat / gred bersesuaian yang dibenarkan bagi menarik calon berkelayakan daripada pasaran luar. Bagi tahun 2017, pengambilan secara *Lateral Entry* telah dijalankan dalam dua (2) bidang iaitu perkapalan (marin) dan bidang penyenggaraan pesawat *(Maintenance, Repair, Overhaul-MRO)* seperti di **Jadual 7**.

Jadual 7 : Urusan Pelantikan PPPT Bagi Tahun 2017 *(Lateral Entry)*

JENIS PELANTIKAN / URUSAN	PELANTIKAN SEMENTARA	PELANTIKAN TETAP
PERKAPALAN	-	1
PENYENGGARAAN PESAWAT	-	1

URUSAN PENGAMBILAN AKP

SPP melaksanakan iklan pengambilan sepanjang masa bagi pengisian jawatan AKP melalui Portal *JobsMalaysia.* Kelayakan masuk ke jawatan AKP adalah di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Perangkaan pengambilan AKP bagi tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 8.**

Jadual 8 : Urusan Pengambilan AKP Bagi Tahun 2017

WILAYAH / URUSAN	PERMOHONAN	TEMUDUGA	TAWARAN PELANTIKAN
PT (PO) N19			
SEMENANJUNG	37,609	-	-
SABAH	5,822	-	-
SARAWAK	6,194	-	-
JUMLAH	**49,625**	**-**	**-**
PT (KEW) N19			
SEMENANJUNG	12,329	-	-
SABAH	1,814	-	-
SARAWAK	1,610	-	-
JUMLAH	**15,753**	**-**	**-**
PPM N19			
SEMENANJUNG	21,425	2,897	589[1]
SABAH	4,480	65	47
SARAWAK	5,824	185	40
JUMLAH	**31,729**	**3,147**	**676**
PM C19			
SEMENANJUNG	17,814	1,904	368[2]
SABAH	2,942	24	15
SARAWAK	3,529	110	35
JUMLAH	**24,285**	**2,038**	**418**
PENYELIA ASRAMA N19			
SEMENANJUNG	13,269	656	117[3]
SABAH	2,760	6	-
SARAWAK	4,011	2	1
JUMLAH	**20,040**	**664**	**118**
PKP N19			
SEMENANJUNG	13,852	-	-
SABAH	2,027	-	-
SARAWAK	1,855	-	-
JUMLAH	**17,734**	**-**	**-**

PO N11			
SEMENANJUNG	7,461	4,540	770[4]
SABAH	1,360	64	41
SARAWAK	1,933	244	80
JUMLAH	**10,754**	**4,848**	**891**

PEMANDU KENDERAAN H11			
SEMENANJUNG	2,462	-	2[5]
SABAH	442	159	107
SARAWAK	562	-	-
JUMLAH	**3,466**	**159**	**109**
JUMLAH KESELURUHAN	**173,376**	**10,856**	**2,212**

Catatan:

1 : 147 adalah daripada calon simpanan PPM Gred N19 tahun 2016
2 : 118 adalah daripada calon simpanan PM Gred C19 tahun 2016
3 : 34 adalah daripada calon simpanan PA Gred N19 tahun 2016
4 : 127 adalah daripada calon simpanan PO Gred N11 tahun 2016
5 : 2 adalah daipada calon simpanan Pemandu Kenderaan Gred H11 tahun 2016

Perangkaan urusan pengambilan SABK adalah seperti di **Jadual 9.**

Jadual 9 : Urusan Pengambilan SABK Tahun 2017

URUSAN / JAWATAN	PT (P/O) GRED N17	PPM GRED C17	PO GRED N11
PAHANG			
TEMUDUGA	1	3	2
TAWARAN PELANTIKAN	1	3	2
JUMLAH	**2**	**6**	**4**

Catatan:

- Tarikh lantikan adalah pada 20 Jun 2016 iaitu pada tarikh MoU ditandatangani antara pihak KPM dan Majlis Agama Islam Negeri Pahang

PERBANDINGAN URUSAN PENGAMBILAN PPP, PPPT DAN AKP

Perbandingan urusan permohonan, panggilan temu duga dan tawaran pelantikan tetap mengikut jawatan bagi tempoh tiga tahun mulai 2015 hingga 2017 adalah seperti yang ditunjukkan oleh **Carta 2, 3 dan 4**.

Carta 2 : Perbandingan Urusan Pengambilan PPP Bagi Tahun 2015 Hingga 2017



Carta 3 : Perbandingan Urusan Pengambilan PPT Bagi Tahun 2015 Hingga 2017



Carta 4 : Perbandingan Urusan Pengambilan AKP Bagi Tahun 2015 Hingga 2017



URUSAN PENGESAHAN PELANTIKAN

SPP melaksanakan urusan pengesahan pelantikan bagi **9,043** orang APP pada tahun 2017. Maklumat pengesahan pelantikan adalah seperti di **Jadual 10** dan perbandingan pengesahan pelantikan mengikut jawatan seperti di **Carta 5.**

Jadual 10 : Pengesahan Pelantikan APP Bagi Tahun 2017

WILAYAH / JAWATAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	6,030	26	431	6,487
SABAH	1,062	-	163	1,225
SARAWAK	1,299	-	32	1,331
JUMLAH	**8,391**	**26**	**626**	**9,043**

Carta 5 : Perbandingan Pengesahan Pelantikan APP Bagi Tahun 2017



URUSAN PERKHIDMATAN

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN

Pada tahun 2017, SPP telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan kepada **6,565** orang APP berdasarkan Peraturan 29 dan 37, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 11.** Perbandingan pengesahan dalam perkhidmatan mengikut jawatan bagi tahun 2017 seperti di **Carta 6**.

Jadual 11 : Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP Bagi Tahun 2017

WILAYAH / JAWATAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	4,157	65	850	5,072
SABAH	521	16	150	687
SARAWAK	530	18	258	806
JUMLAH	**5,208**	**99**	**1,258**	**6,565**

Carta 6 : Perbandingan Pengesahan Dalam Perkhidmatan APP Bagi Tahun 2017



PELANJUTAN TEMPOH PERCUBAAN

Seramai **551** orang APP telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan oleh SPP pada tahun 2017 mengikut Peraturan 30, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 12**. Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2017 seperti di **Carta 7**.

Jadual 12 : Pelanjutan Tempoh Percubaan APP Bagi Tahun 2017

WILAYAH / JAWATAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	422	-	47	469
SABAH	27	-	25	52
SARAWAK	17	-	13	30
JUMLAH	**466**	**-**	**85**	**551**

Carta 7: Perbandingan Pelanjutan Tempoh Percubaan APP Bagi Tahun 2017



PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

SPP telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada **16,907** orang APP pada tahun 2017 yang dilaksanakan mengikut Peraturan 38, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkuat kuasa seperti di **Jadual 13.** Perbandingan pelanjutan tempoh percubaan bagi tahun 2017 seperti di **Carta 8.**

Jadual 13 : Pemberian Taraf Berpencen APP Bagi Tahun 2017

WILAYAH / JAWATAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
SEMENANJUNG	10,969	78	648	11,695
SABAH	2,387	14	100	2,501
SARAWAK	2,500	12	199	2,711
JUMLAH	**15,856**	**104**	**947**	**16,907**

Carta 8 : Perbandingan Pemberian Taraf Berpencen APP Bagi Tahun 2017



PENAMATAN PERKHIDMATAN

Pada tahun 2017, SPP telah mengeluarkan **tiga (3)** notis penamatan dan telah menamatkan perkhidmatan **tiga (3)** orang pegawai berdasarkan Peraturan 50(1) Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan pekeliling yang berkaitan.

PERTUKARAN PELANTIKAN

Pertukaran pelantikan merupakan tatacara pelantikan yang dilaksanakan sekiranya terdapat keperluan untuk memindahkan pegawai ke Pihak Berkuasa Melantik yang berlainan atau ke skim perkhidmatan yang sama / berlainan tanpa melalui proses pelantikan biasa. Sepanjang tahun 2017, SPP telah meluluskan **49** urusan pertukaran pelantikan yang melibatkan **48** orang di jawatan PPP DG41 dan **seorang (1)** di jawatan Penyelia Asrama Gred N19 dari Perkhidmatan Awam Negeri sebagai APP. Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2016.

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN SEMENTARA

Pelantikan secara pertukaran sementara bermaksud pelantikan seseorang pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan ke perkhidmatan yang lain seperti angkatan tentera, kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau pelantikan ke suatu jawatan dalam skim perkhidmatan yang lain di bawah PBM yang sama untuk tempoh tertentu tanpa memutuskan ikatan pegawai itu dengan perkhidmatan asalnya. Pertukaran sementara ini biasanya untuk mengisi jawatan terbuka.

Bagi tahun 2017, SPP telah meluluskan permohonan pelepasan untuk pertukaran sementara seramai **305** orang APP bagi membolehkan mereka berkhidmat di luar perkhidmatan pendidikan. Pelantikan secara pertukaran ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012. Maklumat pelepasan untuk pertukaran sementara bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 14.**

Jadual 14 : Pelepasan Untuk Pertukaran Sementara APP Bagi Tahun 2017

URUSAN / JAWATAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PELEPASAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	68	16	2	86
PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	49	8	8	65
PEMENDEKAN BAGI URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA	139	-	15	154
JUMLAH	**256**	**24**	**25**	**305**

PELANTIKAN SECARA PEMINJAMAN

Pelantikan secara peminjaman ialah pelantikan mana-mana pegawai mengikut Fasal (1) Perkara 132 Perlembagaan Persekutuan iaitu pegawai dalam perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, Perkhidmatan Awam Persekutuan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan ke perkhidmatan awam tiap-tiap negeri (selain daripada Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis), Pihak Berkuasa Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan atau mana-mana organisasi di dalam atau di luar Malaysia.

Pelantikan secara peminjaman ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008, Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2012 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2012.

SPP juga telah meluluskan permohonan pelepasan untuk pelantikan secara peminjaman seramai **39** orang APP untuk berkhidmat dalam perkhidmatan di bawah PBM yang lain seperti perkhidmatan angkatan tentera, perkhidmatan kehakiman dan perundangan, pasukan polis dan perkhidmatan pendidikan atau perkhidmatan awam bagi suatu tempoh tertentu di mana hubungan pegawai dengan perkhidmatan asalnya tidak terputus. Maklumat pelepasan untuk peminjaman bagi tahun 2017 adalah seperti **Jadual 15.**

Jadual 15 : Pelepasan Untuk Peminjaman APP Bagi Tahun 2017

URUSAN / JAWATAN	PPP	PPPT	AKP	JUMLAH
PELEPASAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN	16	2	1	19
PELEPASAN BAGI PELANJUTAN URUSAN PEMINJAMAN	15	-	-	15
PEMENDEKAN BAGI URUSAN PEMINJAMAN	5	-	-	5
JUMLAH	**36**	**2**	**1**	**39**

PELANTIKAN SECARA PERTUKARAN TETAP

Pelantikan secara pertukaran tetap ialah kaedah pelantikan secara tetap pegawai yang sedang dipinjam / ditukar sementara ke jawatan yang disandang di agensi peminjam. Sepanjang tahun 2017, SPP telah meluluskan **dua (2)** pertukaran tetap ke agensi peminjam atas kepentingan perkhidmatan agensi berkenaan. Urusan ini dilaksanakan berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2008.

PELANTIKAN KONTRAK

Selain pelantikan tetap, SPP juga membuat pelantikan secara kontrak yang dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016.

Daripada **666** pelantikan kontrak pada tahun 2017, sejumlah **481** urusan merupakan lantikan pertama, manakala baki **185** urusan ialah pelantikan semula. Maklumat pelantikan kontrak bagi tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 16.**

Jadual 16 : Bilangan Pelantikan Kontrak Bagi Tahun 2017

JAWATAN	PELANTIKAN PERTAMA	PELANTIKAN SEMULA
PPP GRED DG41 (SABK)	375	86
PPP GRED DG29 (SABK)	106	92
AKP	-	7
JUMLAH	**481**	**185**
JUMLAH KESELURUHAN	**666**	

KEMBALI KE SKIM PERKHIDMATAN TERDAHULU

Seseorang pegawai yang telah disahkan dalam skim perkhidmatan terdahulu sebelum dilantik ke dalam skim perkhidmatan yang lain boleh dibenarkan kembali ke dalam skim perkhidmatan terdahulu apabila gagal untuk disahkan ke dalam skim perkhidmatan yang lain. Permohonan pegawai boleh dipertimbangkan dengan syarat pegawai telah melalui tempoh percubaan minimum yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan yang lain itu, ada kekosongan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu, mendapat persetujuan Ketua Perkhidmatan yang berkenaan dan jawatan dalam skim perkhidmatan terdahulu adalah di bawah bidang kuasa PBM yang sama dengan syarat kegagalan pegawai untuk disahkan bukan disebabkan kelakuan yang tidak memuaskan.

URUSAN KENAIKAN PANGKAT & KAWALAN TATATERTIB

TINDAKAN TATATERTIB

Bagi tahun 2017, SPP telah menimbang dan memutuskan sebanyak **75** kes tatatertib merangkumi tatatertib am dan tatatertib jenayah seperti di **Jadual 17**. Pecahan peratusan kes tatatertib bagi tahun 2017 ditunjukkan di **Carta 8**. Manakala **Jadual 18** menunjukkan hukuman tatatertib yang telah dijatuhkan ke atas APP sepanjang tahun 2017.

Carta 8 : Pecahan Kes Tatatertib Bagi Tahun 2017



Jadual 17 : Kes Tatatertib Bagi Tahun 2017

KES TATATERTIB	PPP	PPPT	JUMLAH
TIDAK HADIR BERTUGAS	40	4	44
TATA KELAKUAN	10	3	13
SABITAN MAHKAMAH	15	3	18
JUMLAH	**65**	**10**	**75**

Jadual 18 : Hukuman Tatatertib (Am Dan Jenayah) Bagi Tahun 2017

HUKUMAN	
AMARAN	4
AMARAN DAN DENDA	2
AMARAN, DENDA DAN LUCUT HAK EMOLUMEN	2
AMARAN, LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI	7
AMARAN DAN TURUN GAJI	8
AMARAN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	1
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN GAJI	1
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TANGGUH PERGERAKAN GAJI	1
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN TURUN PANGKAT	1
LUCUT HAK EMOLUMEN DAN BUANG KERJA	33
TURUN PANGKAT	2
BUANG KERJA	11
JUMLAH	**73**

Daripada sejumlah 75 kes tatatertib yang telah diputuskan hukuman oleh SPP, 2 kes tidak dijatuhkan hukuman tatatertib dan dibebaskan daripada pertuduhan.

PEWARTAAN

Sepanjang tahun 2017, SPP telah bersetuju mewartakan tujuh (7) orang pegawai bagi jumlah kes tidak hadir bertugas tanpa cuti dan tidak dapat dikesan mengikut Peraturan 26, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib).

PERINTAH TAHAN KERJA DAN PERINTAH GANTUNG KERJA

Perintah Tahan Kerja (PTK) dikenakan ke atas pegawai apabila telah dimulakan prosiding-prosiding berikut:

- Prosiding jenayah; atau
- Prosiding tindakan tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat.

Manakala Perintah Gantung Kerja (PGK) pula dikenakan ke atas pegawai dalam keadaan seperti berikut:

- Pegawai telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah; atau
- Suatu perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri dan sebagainya seperti dinyatakan di bawah Peraturan 32, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 Telah Dibuat Terhadap Pegawai.

Pada tahun 2017, SPP telah meluluskan sebanyak **19** Perintah Tahan Kerja dan sebanyak **lapan (8)** Perintah Gantung Kerja seperti di **Jadual 19.**

Jadual 19 : Kelulusan Perintah Tahan Kerja Dan Perintah Gantung Kerja Bagi Tahun 2017

JENIS KESALAHAN	PERINTAH	
	PTK	PGK
AKTA PENCEGAHAN RASUAH 1997 / AKTA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA 2009	-	2
KESALAHAN DI BAWAH KANUN KESEKSAAN / UNDANG-UNDANG LAIN	17	6
KESALAHAN JENAYAH DI BAWAH AKTA / ENAKMEN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH ATAU ENAKMEN UNDANG-UNDANG ISLAM	2	-
JUMLAH	**19**	**8**

RAYUAN TATATERTIB

Pada tahun 2017, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan telah menimbang dan memutuskan sebanyak **116** kes rayuan tatatertib bagi APP seperti di **Jadual 20**. Pecahan peratusan keputusan rayuan tatatertib bagi tahun 2017 ditunjukkan di **Carta 9.**

Jadual 20 : Keputusan Kes Rayuan Tatatertib Bagi Tahun 2017

KEPUTUSAN	
MENGHANTAR BALIK KES KEPADA LEMBAGA TATATERTIB UNTUK DITIMBANG SEMULA	3
MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB	105
MENGESAHKAN KEPUTUSAN LEMBAGA TATATERTIB TENTANG SALAH LAKU PERAYU TETAPI MENGUBAH HUKUMAN KEPADA HUKUMAN YANG LEBIH RINGAN	8
MENGAKAS KEPUTUSAN DAN HUKUMAN LEMBAGA TATATERTIB DAN MEMBEBASKAN PERAYU	-
JUMLAH	**116**

Carta 9 : Keputusan Kes Rayuan Tatatertib Bagi Tahun 2017



KENAIKAN PANGKAT KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA (KPPM)

SPP dengan perkenan DYMM Yang di-Pertuan Agong telah melantik YBhg. Datuk Dr. Amin bin Senin, Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (TKPPM) (Sektor Pembangunan Profesionalisme Perguruan), PPP Gred Utama A sebagai Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (KPPM) Memangku PPP Gred Utama Turus lll, berkuat kuasa mulai 19 Oktober 2017.

RAYUAN KENAIKAN PANGKAT

SPP selaku Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat telah mempertimbangkan sebanyak **80** rayuan kenaikan pangkat. Rayuan kenaikan pangkat tahun 2017 yang diterima daripada APP adalah seperti di **Jadual 21.**

Jadual 21 : Keputusan Lembaga Rayuan Kenaikan Pangkat APP Bagi Tahun 2017

KATEGORI RAYUAN KENAIKAN PANGKAT	DITOLAK	DITERIMA
PPP GRED DG48 KE GRED DG52	3	-
PPP GRED DG44 KE GRED DG48	6	2
PPP GRED DG41 KE GRED DG44	67	-
PPP GRED DG34 KE GRED DG38	1	-
PPP GRED DH29 KE GRED DH32	1	-
JUMLAH	**78**	**2**

PENGURUSAN MAKLUMAT

PEMBANGUNAN SISTEM PEMARKAHAN TEMUDUGA (SPTD) 2.0

SPTD merupakan sistem dalam talian yang membolehkan pengerusi merekodkan markah calon sewaktu urusan temu duga sedang dijalankan. Ia mula diperkenalkan pada Oktober 2015 untuk merekod markah temu duga calon PPP. Sehingga tahun 2017, seramai **53** orang pengerusi temu duga telah menggunakan sistem ini untuk merekodkan markah temu duga bagi **17,698** orang calon.

Jumlah Calon Yang Direkodkan Menggunakan SPTD Mengikut Tahun



Berdasarkan perkembangan yang positif ini, skop SPTD telah diperluaskan untuk merekodkan markah temu duga bagi jawatan PPPT dan AKP. SPTD Versi 2.0 telah dibangunkan pada Jun 2017. Soal selidik berkaitan penggunaan SPTD berjaya dilaksanakan pada 28 Ogos hingga 11 September 2017 bagi mendapatkan maklum balas serta cadangan penambahbaikan sistem daripada pengerusi dan urus setia temu duga berkaitan. Pelaksanaan pembangunan SPTD Versi 2.0 adalah seperti di **Jadual 22.**

Jadual 22 : Pelaksanaan Pembangunan SPTD Versi 2.0

Perkara	2017							2018	
	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jan	Feb
1. Kajian Penambahbaikan									
2. Pembangunan Antara Muka									
3. Pengaturcaraan									
4. Ujian Penerimaan Sistem									
5. Latihan Penggunaan									
6. *Pilot* Sistem									

ANTARA MUKA SPTD VERSI 2.0

SISTEM OPERASI PEJABAT (e-OPeS)

Sistem Operasi Pejabat (e-OPeS) bagi Kawalan Perubahan ialah satu modul yang telah dibangunkan pada tahun 2017 bagi tujuan memudahkan pengguna dalaman SPP untuk memohon sebarang pindaan atau penambahbaikan yang melibatkan semua sistem di bawah seliaan Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM). Objektif pelaksanaan Modul Kawalan Perubahan ini adalah bagi mempercepat pengguna membuat permohonan kawalan perubahan dan membantu BPM memantau status terhadap permohonan kawalan perubahan.

Modul Kawalan Perubahan SPP boleh dicapai menggunakan pelayar *Internet Explorer* dan *Mozilla Firefox* dengan menaip alamat URL http://melur.spp.gov.my/opes/

Paparan Skrin Sistem e-OPes



PENGEMASKINIAN DATA eSPP 2012-2013

Projek pengemaskinian data Sistem eSPP telah dimulakan pada 9 Januari 2017. Objektif pelaksanaan projek ini adalah untuk mengemas kini maklumat APP bagi memastikan laporan statistik yang dijana dari pangkalan data Sistem eSPP adalah tepat dan berintegriti.

Dalam pelaksanaan projek ini, BPM berperanan untuk menjana rekod-rekod ralat dan membuat pengagihan fail secara dalam talian. Fasa pertama melibatkan pengemaskinian rekod ralat bagi tahun lantikan 2012 yang telah dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) bulan iaitu daripada Januari hingga Mac 2017. Fasa kedua pula melibatkan pengemaskinian rekod ralat bagi tahun lantikan 2013 yang bermula April hingga November 2017. Pengemaskinian data ini dilaksanakan oleh BPM, Unit Pendaftaran, Pasukan Pengemaskinian Data dan Bahagian Pengambilan Guru. Statistik pengemaskinian data Sistem eSPP adalah seperti di **Jadual 23.**

Jadual 23 : Statistik Pengemaskinian Data Sistem eSPP

TAHUN	CAWANGAN			JUMLAH KESELURUHAN	JUMLAH DATA DIKEMASKINI
	IBU PEJABAT	SABAH	SARAWAK		
2012	9,048	479	196	9,723	9,252
2013	19,821	2,627	2,271	24,719	23,624

PELAKSANAAN *SECURITY POSTURE ASSESSMENT* (SPA)

Seiring dengan hasrat perkhidmatan awam untuk mempertingkat sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan ke tahap cemerlang, sistem ICT SPP perlu dipastikan berada dalam keadaan tersedia, selamat dan dipercayai. Selaras Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2009: Garis Panduan Penilaian Tahap Keselamatan Rangkaian dan Sistem ICT Sektor Awam bertarikh 17 November 2009, SPP perlu melaksanakan Penilaian Tahap Keselamatan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Pada 10 Februari 2017, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah memilih dan menawarkan SPP untuk menggunakan perkhidmatan *Security Posture Assessment* (SPA). Dibawah Projek Keselamatan Siber Sektor Awam bagi skop Jaminan Kualiti Keselamatan. Penilaian ini akan mengenal pasti tahap keselamatan ICT di SPP seterusnya mencadangkan tindakan pengukuhan yang perlu dilaksanakan sekiranya wujud kelemahan keselamatan ICT di SPP.

Pelaksanaan SPA di SPP telah bermula pada Ogos 2017 dan sebanyak lima (5) skop dan 15 aset ICT dan dilaksanakan penilaian keselamatan.

Skop Pelaksanaan SPA di SPP

PENGAUDITAN INDEKS PEMATUHAN ICT

Pengauditan Indeks Pematuhan ICT di SPP telah dilaksanakan oleh Unit Audit Dalam, Jabatan Perdana Menteri (JPM) pada 4 – 29 Disember 2017. Aktiviti yang dijalankan adalah seperti berikut :

SKOP DAN METODOLOGI AUDIT

Pengauditan pematuhan pengurusan ICT di SPP merangkumi empat (4) elemen utama iaitu Kawalan Pengurusan ICT, Kawalan Pengurusan Projek ICT, Kawalan Kemudahan ICT dan Kawalan Pengurusan Aset ICT. Semakan yang dibuat meliputi tempoh bulan Januari 2016 sehingga tarikh pengauditan serta tahun-tahun terdahulu.

Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen polisi dan prosedur ICT serta dokumen projek ICT. Selain itu temu bual dengan pegawai yang terlibat dan pemeriksaan fizikal turut dijalankan.

OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan bagi membuat rumusan mengenai tahap pengurusan ICT di SPP dan menentukan sama ada:

RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, didapati tahap pengurusan ICT di SPP adalah baik dengan **96.59%** pematuhan kepada elemen-elemen pengurusan ICT. Butiran terperinci tahap pematuhan berdasarkan elemen pengurusan ICT adalah seperti **Jadual 24.**

Jadual 24 : Tahap Pematuhan Pengurusan ICT

BIL	JENIS KAWALAN	PEMATUHAN (%)
1	PENGURUSAN ICT	97.50
2	PENGURUSAN PROJEK ICT	96.67
3	KEMUDAHAN ICT	98.28
4	PENGURUSAN ASET ICT	93.75

URUS SETIA CAWANGAN SABAH

MAJLIS PENYAMPAIAN SURAT PELANTIKAN SECARA KONTRAK

Urus Setia Cawangan (USC) Sabah telah menganjurkan majlis penyampaian surat pelantikan secara kontrak bagi APP Sekolah Agama Suria, Tuaran Sabah dan Sekolah Rendah Islamiyah, Tawau Negeri Sabah. Kedua-dua sekolah tersebut telah didaftarkan sebagai SABK di bawah KPM melalui Memorandum Persefahaman (MoU) pada 20 Jun 2016. Terdapat 16 orang PPP di Sekolah Agama Suria, Tuaran dan 23 orang PPP di Sekolah Agama Islamiyah,Tawau telah dipertimbangkan untuk lantikan secara kontrak mulai 20 Jun 2016 hingga 19 Jun 2018.

PROGRAM PELANTIKAN RAKAN STRATEGIK SPP

Bagi memantapkan lagi pengurusan perkhidmatan PPP dan AKP di peringkat sekolah-sekolah di seluruh negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan, pihak USC Sabah telah menganjurkan program pelantikan Rakan Strategik SPP dan sesi Taklimat Mengenai Urusan Perkhidmatan Bagi PPP dan AKP Kepada Rakan Strategik SPP pada 25 April 2017.

Objektif utama penganjuran program ini adalah bagi memberi ruang dan peluang kepada semua pegawai yang diamanahkan untuk mengendalikan urusan perkhidmatan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan sekolah-sekolah di zon-zon tersebut untuk mendapatkan penerangan secara terperinci mengenai dasar dan tatacara urusan perkhidmatan yang berkuat kuasa.

UJIAN PSIKOMETRIK PENGAJAR INTERIM

Ujian Psikometrik untuk pengajar interim ini telah dilaksanakan pada 12 April 2017 bertempat di Institut Perguruan Kampus Kent untuk menilai minat dan kecenderungan calon-calon guru di dalam bidang pendidikan.

PROGRAM *ENGAGEMENT* YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN

Program ini telah diadakan pada 25 April 2017 bertempat di Auditorium, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah bagi menyahut seruan Kerajaan menjadikan tahun 2017 sebagai *year of delivery* bagi penjawat awam. Fokus utama program tersebut adalah mengukuhkan jalinan kerjasama SPP dengan Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan Sekolah-Sekolah melalui Program Rakan Strategik SPP.

URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK

PERPINDAHAN PEJABAT

Tahun 2017 dimulakan dengan aktiviti perpindahan Urusetia ini ke ruang pejabat baharu di Jalan Lapangan Terbang, Kuching. Tujuan perpindahan ini antara lainnya adalah untuk menjadikan lokasi pejabat lebih strategik dan memudahkan APP dan orang i awam yang ingin berurusan dengan SPP. Perasmian ruang pejabat baharu ini telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP.

Pada masa yang sama, telah diadakan majlis penyampaian surat ucapan tahniah dari YB Datuk Joseph Entulu anak Belaun, Menteri di Jabatan Perdana Menteri kepada lapan (8) Ahli Suruhanjaya baharu yang telah dilantik pada 1 Disember 2016.

KUNJUNGAN HORMAT JUNJUNGAN KASIH

Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud, telah berkenan menerima kunjungan hormat oleh Pengerusi SPP, YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Ahli Suruhanjaya YBrs. Puan Hajah Serina binti Sauni, Setiausaha SPP YBhg. Datuk Abu Bakar bin Idris dan empat (4) orang pegawai USC Sarawak di Astana Negeri, Petra Jaya, Kuching pada 31 Mac 2017.



PROGRAM SPP BERSAMA JPN SARAWAK

USC Sarawak telah mengadakan Mesyuarat Tahunan SPP bersama JPN , Politeknik dan Kolej Komuniti di negeri Sarawak bagi menerangkan mengenai fungsi SPP serta membincangkan isu berhubung dengan urusan pengambilan dan perkhidmatan APP.

SPP telah dijemput untuk menyampaikan diploma kepada graduan Majlis Konvokesyen Kali Ke-25 di Dewan Jubli Perak, Politeknik Kuching pada 9 hingga 10 Ogos 2017 yang telah disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Haili Bin Dolhan, Pengerusi SPP. USC Sarawak juga turut dijemput untuk menghadiri Majlis Konvokesyen Kolej Komuniti 2017 Negeri Sarawak yang diadakan di Dewan Majma, Kompleks Islam Sarawak pada 14 Oktober 2017.

PELANTIKAN WAKIL JABATAN

USC Sarawak juga telah membuat pelantikan Wakil Jabatan daripada pelbagai bidang pengkhususan untuk urusan temu duga PPP Gred DG41 pada 30 Oktober 2017 di Auditorium Institut Latihan Perindustrian Kota Samarahan.

PROGRAM SPP BERSAMA PELAJAR TAHUN AKHIR IPGM

USC Sarawak telah mengadakan taklimat kepada pelajar tahun akhir Institut Pendidikan Guru Kampus Rajang pada 21 April 2017 yang merangkumi fungsi SPP dan cadangan persediaan bagi menghadapi temu duga SPP.

PROGRAM BERTEMU PELANGGAN

Pada tahun ini, USC Sarawak telah mengadakan tiga (3) program bertemu pelanggan bagi memberi pendedahan kepada orang ramai mengenai fungsi, perkhidmatan dan peluang kerjaya dalam sektor pendidikan di Sarawak seperti berikut:

BIL	TEMPAT	TARIKH	AKTIVITI
1.	RH. ASSAN ANAK NGANG KAMPUNG SEMENA, MEDAMIT, LIMBANG	11.03.2017	PROGRAM SEHATI SEJIWA BERSAMA YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.
2.	RH JANGIT ANAK LANTING, SG. LGU, SELANGAU	22.04.2017	PROGRAM SEHATI SEJIWA BERSAMA YB DATUK JOSEPH ENTULU BELAUN, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.
3.	SIMUNJAN	16.07.2017	PROGRAM *MOBILE COMMUNITY TRANSFORMATION CENTER THIRD SERIES 2017* #MOBILECTC

PRESTASI KEWANGAN

SPP diperuntukkan sebanyak **RM 21,099,750.00** bagi perbelanjaan mengurus di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2017 dengan jumlah emolumen sebanyak **RM16,747,107.00.** Keseluruhan perbelanjaan pada akhir tahun berjumlah **RM20,272,397.60** iaitu **96.08%** daripada jumlah yang diperuntukkan. Perangkaan peruntukan dan perbelanjaan di bawah T10 dan B40 bagi tahun 2017 adalah seperti di **Jadual 25** dan perbandingan bagi Bajet T10 dan B40 bagi tahun 2017 seperti **Carta 10** dan **Carta 11.**

Jadual 25 : Bajet T10 Dan B40

PERKARA / MAKSUD	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	EMOLUMEN (RM)	TANPA EMOLUMEN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)	PERATUS PERBELANJAAN (%)
T10	5,329,750.00	4,103,207.00	1,266,543.00	5,329,736.85	100.00
B40	15,770,000.00	1,264,390.00	3,126,100.00	14,942,660.75	94.75
JUMLAH	**21,099,750.00**	**5,367,597.00**	**4,392,643.00**	**20,272,397.60**	**96.08**

Carta 10 : Bajet T10



Carta 11 : Bajet B40



MESYUARAT SURUHANJAYA

Pelaksanaan Mesyuarat Suruhanjaya adalah berdasarkan Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran 2007 [(P.U.A) 189/2007]. Sepanjang tahun 2017, Mesyuarat Suruhanjaya telah diadakan sebanyak **24** kali, Mesyuarat Lembaga Rayuan Tatatertib sebanyak **24** kali dan Mesyuarat Lembaga Rayuan Naik Pangkat sebanyak **11** kali. Bilangan kertas mesyuarat yang telah dipertimbangkan mengikut kategori adalah seperti di **Jadual 26** dan pecahan mengikut peratus adalah seperti di **Carta 12.**

Jadual 26 : Bilangan Kertas Mesyuarat Suruhanjaya Bagi Tahun 2017

PERKARA	JUMLAH
MESYUARAT SURUHANJAYA	
KERTAS PENGAMBILAN	116
KERTAS PERKHIDMATAN	91
KERTAS TATATERTIB	124
KERTAS DASAR	1
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB	
KERTAS RAYUAN TATATERTIB	116
MESYUARAT LEMBAGA RAYUAN NAIK PANGKAT	
KERTAS RAYUAN NAIK PANGKAT	11
JUMLAH KESELURUHAN KERTAS PERTIMBANGAN	**459**

Carta 12 : Pecahan Peratus Kertas Suruhanjaya Yang Telah Dibentangkan Bagi Tahun 2017



Mesyuarat Suruhanjaya Kali ke-1570 di Bilik Mesyuarat Suruhanjaya, SPP pada 21 November 2017

Mesyuarat Suruhanjaya Kali ke-1050 2017 di Kelab Marina, Putrajaya pada 15 Ogos 2017

PROGRAM DAN AKTIVITI

PROGRAM BUAL BICARA ANTARA AHLI SURUHANJAYA DENGAN WARGA PENDIDIKAN

Matlamat penganjuran program ini adalah bagi memberikan ruang dan peluang kepada warga pendidikan sama ada di peringkat Jabatan Pendidikan Negeri/ Pejabat Pendidikan Daerah/ Sekolah atau Institusi Pendidikan untuk berdialog secara terus dengan Ahli Suruhanjaya berdasarkan topik perbincangan. Dalam tahun 2017, dua (2) Program Bual Bicara telah berjaya diadakan iaitu di Pulau Langkawi, Kedah pada 26 September 2017 dan Kota Kinabalu, Sabah pada 27 Oktober 2017. Program ini telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada pihak Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan guru-guru sekolah di kawasan-kawasan tersebut.

Program Bual Bicara Bersama Warga Pendidikan di Langkawi, Kedah

Program Bual Bicara Bersama Warga Pendidikan di Sabah

PELAN STRATEGIK ICT SPP

Pelan Strategik ICT (PSICT) SPP menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan ICT SPP untuk tempoh lima (5) tahun bagi mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan SPP kepada kumpulan sasar dan selaras dengan Pelan Strategik SPP dan Rangka Kerja ICT Sektor Awam. Pelancaran Pelan Strategik ICT SPP telah dilaksanakan pada 5 Mei 2017.

VISI DAN MISI ICT

Visi dan Misi ICT SPP telah dirangka selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan menyokong bagi mencapai visi dan misi SPP.

VISI

Memperkasa perkhidmatan dan pembudayaan ICT ke arah peningkatan penyampaian perkhidmatan

MISI

Memanfaatkan penggunaan ICT secara meluas, inovatif, efisien dan berkualiti

TERAS STRATEGIK ICT

1 SISTEM APLIKASI SEBAGAI PEMUDAH CARA

Objektif

- **Memperkukuhkan sistem aplikasi ICT sedia ada dan membangunkan aplikasi baru selaras dengan keperluan SPP bagi menyokong perkhidmatan teras SPP**
- **Mentransformasikan perkhidmatan ICT melalui integrasi sistem bagi tujuan perkongsian merentasi agensi**

2 MEMPERTINGKATKAN INFRASTUKTUR ICT BAGI MENJAMIN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Objektif

- **Memperkukuhkan Infrastruktur ICT dengan ciri-ciri keselamatan selaras dengan teknologi masa kini**

3 PEMBUDAYAAN MENJANA KEBERKESANAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Objektif

- **Meningkatkan program latihan bagi meningkatkan kualiti modal insan**

4 PEMERKASAAN TADBIR URUS ICT

Objektif

- **Mempertingkatkan pengurusan projek untuk menghasilkan *outcome* yang lebih baik dan cekap**
- **Memperkasa tadbir urus ICT bagi meningkatkan kepantasan bertindak**

TAKLIMAT PELAKSANAAN SISTEM ePROPER

Sistem ePROPER merupakan sistem yang dibangunkan oleh SPP bagi membolehkan Ketua Jabatan di semua peringkat agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Tinggi memperakukan secara dalam talian bagi urusan perkhidmatan APP seperti berikut:

i. PPT;
ii. PDP;
iii. PTP; dan
iv. PTB.

Melalui Pekeliling SPP Bilangan 1 Tahun 2017, Projek Rintis Sistem ePROPER telah dilaksanakan di tujuh (7) buah negeri di Semenanjung Malaysia sepanjang tahun 2017. Taklimat pelaksanaan sistem telah diadakan dengan menjemput para peserta daripada PTJ yang terdiri daripada tiga (3) jenis peranan pengguna sistem iaitu Penyedia, Penyemak dan Peraku. Senarai negeri-negeri yang telah menggunakan Sistem ePROPER (PTJ) adalah seperti di **Jadual 27.**

Jadual 27 : Senarai Negeri di Semenanjung Yang Terlibat Dengan Taklimat Sistem ePROPER Bagi Tahun 2017

BIL	NEGERI	TARIKH
1	WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA	24 MEI 2017
2	WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR	7 JUN 2017
3	NEGERI SEMBILAN	20 APRIL 2017
4	MELAKA	17 MEI 2017
5	PULAU PINANG	20 JULAI 2017
6	KEDAH & PERLIS	16 & 17 OGOS 2017

Pelaksanaan Program Rintis Sistem ePROPER di negeri Sarawak pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

Pelaksanaan Program Rintis Sistem ePROPER Di Negeri Sarawak

Pelaksanaan Program Sistem ePROPER di Negeri Sabah pada tahun 2017 adalah seperti berikut:

Bengkel dan Taklimat Program Rintis (Fasa 1) Sistem ePROPER dan Latihan *Hands-on* Penggunaan sistem bagi 10 PTJ di zon Kota Kinabalu dan Penampang telah diadakan pada 27 Februari 2017.

NAZIRAN SISTEM ePROPER

Sepanjang tahun 2017, naziran pelaksanaan Sistem ePROPER telah diadakan di PTJ Wilayah Persekutuan Putrajaya, Negeri Sembilan dan Melaka seperti **Jadual 28.**

Jadual 28 : Senarai PTJ Yang Dilaksanakan Naziran Sistem ePROPER Bagi Tahun 2017

W.P. PUTRAJAYA			
PERMATA	BAHAGIAN PENDIDIKAN ISLAM (KPM)	BAHAGIAN PENDIDIKAN KHAS (KPM)	INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA (KPM)
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA (KPM)	BAHAGIAN AUDIT SEKOLAH (KPM)	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN (KPM)	BAHAGIAN PEROLEHAN DAN PENGURUSAN ASET (KPM)
SEKOLAH SULTAN ALAM SHAH	BAHAGIAN PENDIDIKAN TEKNIK & VOKASIONAL (KPM)	JEMAAH NAZIR & JAMINAN KUALITI (KPM)	-
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK	BAHAGIAN KEWANGAN (KPM)	LEMBAGA PEPERIKSAAN (KPM)	-

NEGERI SEMBILAN			
SMK TUNKU AMPUAN DURAH	INSTITUT AMINUDDIN BAKI	SM SAINS SEREMBAN	SMK TAMAN TUANKU JAAFAR
SMK DATO HAJI MOHD REDZA	KOLEJ TUNKU KURSHIAH	SMKA SHEIKH HAJI MOHD SAID	KOLEJ VOKASIONAL AMPANGAN
SMK MANTIN	SMA PERSEKUTUAN LABU	SM SAINS TUANKU MUNAWIR	SMK PENDETA ZA'BA
SMK DATO SHEIKH AHMAD	SMK SERI PAGI	SMK BUKIT MEWAH	SMK TUNKU AMPUAN NAJIHAH
IPG KAMPUS PENDIDIKAN TEKNIK	SR PENDIDIKAN KHAS SEREMBAN	SEKOLAH DATO' ABDUL RAZAK	SMK MAMBAU
SMK DATO' MOHD SAID	SEKOLAH SAINS PEREMPUAN SEREMBAN	SM SAINS REMBAU	SMK DATO' SHAHARDIN
SMK KING GEORGE V	KOLEJ VOKASIONAL DATO' LELA MAHARAJA	-	-

MELAKA			
SMK SELANDAR	SMK MUNSHI ABDULLAH	SMK INFANT JESUS CONVENT	IKOLEJ MATRIKULASI MELAKA
SBP INTEGRASI SELANDAR	SMK BUKIT BARU	SMK SERI TANJUNG	SMK SERI PENGKALAN
SMK DATO ABDUL RAHMAN YA'KUB	SMK(A) SHARIFAH RODZIAH	KOLEJ KOMUNITI CAW. TANGGA BATU	SMK SUNGAI UDANG
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI MELAKA	SMK TELOK MAS	SMK GAJAH BERANG	-

Bagi USC Sabah, naziran ePROPER telah dilaksanakan di beberapa PTJ yang merangkumi Pejabat Pendidikan Daerah, Sekolah Menengah, Kolej Komuniti dan Kolej Vokasional.

Di Sarawak, USC mengadakan naziran sistem ePROPER bersekali dengan program tahunan turun padang SPP seperti berikut:

BIL	TEMPAT	TARIKH	AKTIVITI
1.	ZON SELATAN: KUCHING, SAMARAHAN	8 FEB 2017	TAKLIMAT PENGENALAN SISTEM ePROPER SERTA SESI HANDS-ON
2.	PPD DAN SEKOLAH MENENGAH DI LIMBANG	13 MAC 2017	TAKLIMAT PERKHIDMATAN DAN PENGENALAN SISTEM ePROPER SERTA NAZIRAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN
3.	PPD DAN SEKOLAH MENENGAH DI SELANGAU	19 APRIL 2017	TAKLIMAT PERKHIDMATAN DAN PENGENALAN SISTEM ePROPER SERTA NAZIRAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN
4.	PPD DAN SEKOLAH MENENGAH DI SIBU	20 APRIL 2017	TAKLIMAT PERKHIDMATAN DAN PENGENALAN SISTEM ePROPER SERTA NAZIRAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN
5.	PPD DAN SEKOLAH MENENGAH DI LAWAS	6 JUN 2017	TAKLIMAT PERKHIDMATAN DAN PENGENALAN SISTEM ePROPER SERTA NAZIRAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN
6.	PPD DAN SEKOLAH MENENGAH DI MIRI	7 JUN 2017	TAKLIMAT PERKHIDMATAN DAN PENGENALAN SISTEM ePROPER SERTA NAZIRAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN
7.	KOLEJ KOMUNITI MIRI	8 JUN 2017	TAKLIMAT PERKHIDMATAN DAN PENGENALAN SISTEM ePROPER SERTA NAZIRAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN
8.	POLITEKNIK KUCHING	3 OGOS 2017	TAKLIMAT PERKHIDMATAN DAN PENGENALAN SISTEM ePROPER SERTA NAZIRAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN
9.	SMK LAWAS	16 OKT 2017	NAZIRAN URUSAN SISTEM ePROPER
10.	SMK SUNDER	19 OKT 2017	NAZIRAN URUSAN SISTEM ePROPER
11.	SMK MERAPOK	20 OKT 2017	NAZIRAN URUSAN SISTEM ePROPER DAN MAKLUMAN MENGENAI PERATURAN PENGENDALIAN LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN
12.	PPD SIBU	20 OKT 2017	NAZIRAN URUSAN SISTEM ePROPER
13.	PPD MIRI	23 OKT 2017	NAZIRAN URUSAN SISTEM ePROPER DAN MAKLUMAN MENGENAI PERATURAN PENGENDALIAN LAPORAN PEMERIKSAAN KESIHATAN

PORTAL BAHARU SPP

Portal Baharu SPP telah dilancarkan oleh YBhg. Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan, Pengerusi SPP pada 4 Disember 2017. Penaiktarafan portal SPP ini adalah untuk menjadikan portal SPP lebih mesra pengguna, dan lebih berinfomatif khususnya kepada pelanggan dan *stakeholders* SPP.

Ia juga memenuhi kriteria *Provider-Based Evaluation* (ProBE) 2016 yang ditetapkan oleh MDeC dan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 2 Tahun 2015 - Pengurusan Laman Web Agensi Sektor Awam.



APLIKASI MyMobile SPP

Aplikasi MyMobile SPP telah dilancarkan pada 4 Disember 2017 bersekali dengan pelancaran Portal SPP. Aplikasi ini memberikan kemudahan kepada calon APP untuk menyemak status permohonan, senarai panggilan temu duga dan keputusan temu duga. Ia juga menyediakan kemudahan kepada APP untuk menyemak kelulusan urusan perkhidmatan seperti pengesahan pelantikan tetap, pengesahan dalam perkhidmatan, pelanjutan tempoh percubaan dan pemberian taraf berpencen.

Paparan Skrin MyMobile SPP

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) SPP

Program yang telah diadakan di Sekolah Kebangsaan Seri Lagenda, Langkawi ini merupakan salah satu pengisian kepada Program Jaringan Strategik SPP bertujuan untuk meningkatkan amalan perkhidmatan kesukarelawan, membentuk jati diri dan menyemarakkan iltizam untuk sama-sama berganding bahu di antara SPP dan pihak sekolah dalam melaksanakan aktiviti kebajikan yang bercorak pendampingan sosial.

DIARI 2017

DIARI 2017

JANUARI

06 JANUARI 2017
Projek pengemaskinian data oleh Pasukan Pengemaskinian Data (PPD)

09 JANUARI 2017
Mesyuarat *Kick-Off* Projek Pengemaskinian Data Sistem eSPP

JANUARI

09 JANUARI 2017
Mesyuarat Krisis Portal SPP

11 JANUARI 2017
Taklimat Buku Rekod Perkhidmatan warga SPP

JANUARI



23 JANUARI 2017
Taklimat Sistem Pemarkahan Temu Duga

24 JANUARI 2017
Taklimat Program PERMATA

JANUARI

25 JANUARI 2017
Lawatan rasmi daripada *Institute of Leadership* Indonesia

25 JANUARI 2017
Taklimat Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPA)

FEBRUARI

28 FEBRUARI 2017
Taklimat Sistem ePROPER di Sabah

MAC

23 MAC 2017
Lawatan rasmi SPA Terengganu

APRIL

07 APRIL 2017
Majlis bacaan Yassin

09 APRIL 2017
Kursus Retreat SPP Siri III di Felda Tekam Residence Resort, Jerantut

APRIL

17 APRIL 2017

Majlis Angkat Sumpah YBhg. Tan Sri Ahmad Phesal Bin Talib sebagai Timbalan Pengerusi Suruhanjaya yang baharu di Istana Kehakiman, Putrajaya

20 APRIL 2017

Taklimat Sistem ePROPER di Negeri Sembilan

MEI

05 MEI 2017
Majlis Pelancaran Pelan Strategik ICT di Dewan Sri Melati, Perbadanan Putrajaya

15 MEI 2017
Bengkel *Think Tank* bersama warga SPP yang telah berkhidmat lebih daripada 5 (lima) tahun

MEI

17 MEI 2017
Taklimat Sistem ePROPER di Melaka

24 MEI 2017
Perhimpunan Bulanan SPP di Auditorium JPM

JUN

05 JUN 2017
Bengkel Pemurnian Data *Outcome-Based Budgeting* (OBB) bersama pasukan OBB, Kementerian Kewangan

06 JUN 2017
Taklimat Sistem ePROPER di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

JULAI

12 JULAI 2017
Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2017 JPM di PICC, Putrajaya

18 JULAI 2017
Majlis Jamuan Hari Raya Aidilfitri SPP 2017

JULAI

20 JULAI 2017
Taklimat Sistem ePROPER di Pulau Pinang

26 JULAI 2017
Taklimat kenaikan pangkat PPP dan PPPT

OGOS

15 OGOS 2017
Taklimat Sistem ePROPER di Kedah

19 OGOS 2017
Perlawanan boling bersama warga SPP yang dianjurkan oleh Kelab Sukan Dan Rekreasi SPP

OGOS

29 OGOS 2017
Lawatan rasmi daripada *Socioeconomic Development of Indian Community Unit* (SEDIC), JPM

SEPTEMBER

25 SEPTEMBER 2017
Program Tanggungjawab Sosial Korporat SPP di SK Seri Lagenda, Langkawi

SEPTEMBER

27 SEPTEMBER 2017
Program Bual Bicara SPP Bersama Warga Pendidikan Pulau Langkawi, Kedah

OKTOBER

25 OKTOBER 2017
Majlis Jamuan Makan Malam SPP

OKTOBER

27 OKTOBER 2017
Program Bual Bicara SPP Bersama Warga Pendidikan Sabah

NOVEMBER

06 - 07 NOVEMBER 2017
Mesyuarat Perancangan Sasaran Kerja Tahun 2017

DISEMBER

04 DISEMBER 2017

Majlis Pelancaran Portal Baharu SPP dan Majlis Persaraan Ahli Suruhanjaya

07 DISEMBER 2017

Lawatan rasmi AKP daripada Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Perlis

DISEMBER

12 DISEMBER 2017
Lawatan Ahli Suruhanjaya ke Politeknik Nilai

18 DISEMBER 2017
Sesi Perjumpaan Ahli Suruhanjaya bersama Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, YBhg. Datuk Dr. Amin Bin Senin

LIPUTAN MEDIA

BORNEO POST, 26 APRIL 2017

NEW SABAH TIMES
Sabah's First Established Paper

BAHASA MELAYU

Pakai Tali Pinggang Keledar

Rabu 26 April, 2017

SASARAN 90% GURU SABAH DICAPAI 2018

OLEH MARRYAN RAZAN
marryan@newsabahtimes.com.my

Pelaburan dalam EMAS yang menguntungkan

PUBLIC BANK

HARIAN EKSPRES, 26 APRIL 2017

harianekspres
AKHBAR KEBANGSAAN BEBAS DI MALAYSIA TIMUR
RABU, 26 APRIL 2017 / 29 REJAB 1438H

JKR digesa selenggara jalan di Kg Paal Sebrang > 2

'Jalan runtuh, bukan jambatan Tamparuli' > 3

Mewujudkan jaringan sairtis terbaik di Asean > 5

Tipas gembira ke final > 6

Sasaran inisiatif 90:10 boleh dicapai menjelang tahun hadapan: Entulu

440 lagi guru tempatan ditempatkan di Sabah

Jason Santos

DAILY EXPRESS, 26 APRIL 2017

2 |Local

YOUR LOCAL VOICE | WEDNESDAY, APRIL 26, 2017

440 Sabahans to get teaching placements

Jason Santos

SINCHEW ONLINE, 26 APRIL 2017

星洲网 沙巴

主页 › 地方 › 沙巴

2017-04-26 12:32

恩都鲁：联邦兑现承诺 沙赋权录取教职员

为了进一步兑现联邦政府权力下放的承诺，教育服务委员会将予沙巴更大权限以遴选及录取沙巴教职员。

BORNEO POST, 26 APRIL 2017

Joseph (front row, centre) with the newly appointed chairmen of the Interview Boards, Sabah Commission of Education Service, Education Service Officers and participants of the Engagement Programme with the Sabah Education Service Commission.

81% of teachers now Sabah-born

KOTA KINABALU: In a bid to have a minimum of 90 per cent Sabah-born teachers in the State by 2018, a total of 20 education officers were appointed chairmen of the Interview Boards, Sabah Commission of Education Service.

The officers, who hold the post of at least grade DG48 and are Sabah-born, received their credential letters from Minister in the Prime Minister's Department, Datuk Joseph Entulu Belaun, during a ceremony at the State Federal Government Administration Complex near here yesterday.

Joseph, in his opening address, said that Sabah is well on its way to achieving the 90 per cent target, given that 81 per cent of teachers in the State are currently local.

"As of now, the Ministry of Education has successfully placed 81 per cent of Sabah-born teachers in the State. That said, I am confident the 90 per cent mark will be achieved by 2018," he said.

Meanwhile, the commission's chairman, Tan Sri Dr Haili Dolhan, said that the appointments were the outcome of an agreement by the cabinet on September 9, 2015 and the meeting between Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak and former Sarawak Chief Minister, the late Tan Sri Adenan Satem on January 20 last year on the proposed empowerment to the state governments of Sabah and Sarawak.

Dr Haili added that this year, the commission had also conducted several interview sessions to appoint Education Service Officers, which saw 440 candidates being interviewed in the state capital, Tawau and Kudat.

Of the total number of candidates, 41 had successfully made it through and were given permanent letters of appointment.

SINAR HARIAN, 26 APRIL 2017

Suruhanjaya pendidikan

NINA FARZUIN MD SHAROM

KUALA LUMPUR - Kerajaan menyambut baik cadangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) supaya satu badan suruhanjaya pendidikan negara diwujudkan bagi memastikan sistem dan dasar pendidikan di negara ini lebih konsisten.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi berkata, penubuhan suruhanjaya itu dilihat jalan penyelesaian mengekalkan dasar dan sistem pendidikan, meskipun berlaku pertukaran menteri.

"Memang kita sudah ada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (SPP), tapi ia hanya melihat sudut skema pendidikan dan itu tidak mencukupi.

"Suruhanjaya seperti dicadangkan ini, saya lihat mampu ungguli dasar dan sistem pendidikan yang seharusnya dipatuhi semua menteri akan datang," katanya pada Majlis Perasmian Persidangan Agung Tahunan GPMS ke-63 Tahun 2017.

Ahmad Zahid berucap di majlis perasmian Persidangan Agung Tahunan GPMS di Kompleks Tabung Haji Kelana Jaya, semalam.

Beliau berkata, ia sekali gus dapat mengelak murid dan pelajar terus jadi bahan uji kaji sistem serta dasar pendidikan negara.

"Mereka aset negara yang perlu diperkasa dan tidak harus dijadikan bahan uji kaji.

"Jangan ada agenda peribadi dalam sektor pendidikan, jangan ada pemikiran sempit, sebaliknya kita harus membangunkan negara dan bangsa.

"Ini bukan bermakna saya menyalahkan mana-mana menteri pendidikan dan menteri pengajian tinggi tapi dengan adanya suruhanjaya tersebut, dasar dan sistem pendidikan akan lebih konsisten," katanya.

Sehubungan itu, beliau turut mengumumkan peruntukan RM1 juta disalurkan kepada GPMS atas perjuangan terhadap pendidikan negara.

UTUSAN MALAYSIA, 27 NOVEMBER 2017

Dalam perbincangan menerusi panggilan telefon itu, kami berdua bersetuju yang perkara ini perlu ditangguhkan ke tahun depan kerana ada masalah teknikal."

MAHDZIR KHALID
Menteri Pendidikan

SKPMG2 ditangguh ke tahun depan atas sebab teknikal

PADANG TERAP 26 Nov. – Pelaksanaan Standard Kualiti Pendidikan Malaysia Gelombang Dua (SKPMG2) yang sepatutnya dilaksanakan pada penghujung tahun ini, ditangguhkan ke tahun depan atas sebab-sebab teknikal.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, penangguhan tersebut dibuat setelah beliau berbincang bersama Ketua Pengarah Pelajaran, Datuk Dr. Amin Senin mengenai perkara itu, petang ini.

"Dalam perbincangan menerusi panggilan telefon itu, kami berdua bersetuju yang perkara ini perlu ditangguhkan ke tahun depan kerana ada masalah teknikal. Jadi guru-guru tak perlu laksanakan dulu perkara itu.

"Perkara ini melibatkan Jabatan Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK). Hari ini saya umumkan dulu penangguhan dan esok atau lusa, kementerian akan mengeluarkan perinciannya untuk dimaklumkan kepada sekolah," katanya selepas menyampaikan hadiah Kejohanan Bola Sepak Bawah 10 tahun Piala Menteri Pendidikan 2017 di Sekolah Kebangsaan Padang Terap di sini hari ini.

Mengulas rungutan guru yang mendakwa sering diarahkan untuk hadir ke sekolah bagi menjalankan tugas pejabat sepanjang tempoh bercuti, Mahdzir berkata, pihaknya akan mengeluarkan surat pekeliling khas kepada semua pengarah negeri untuk diedarkan kepada Pejabat Pendidikan daerah dan sekolah mengenai perkara itu dalam masa terdekat.

"Sejak sekian lama, telah ada Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang menyatakan guru tidak perlu hadir ke sekolah pada musim cuti kecuali atas sebab rasmi seperti kursus atau peperiksaan sahaja.

"Namun saya difahamkan ada pihak mengabaikan perkara ini. Disebabkan itu, kementerian akan menghantar surat peringatan khas kepada semua pihak terlibat dengan harapan pihak pentadbir sekolah menggunakan kebijaksanaan untuk berbincang dengan guru bagi mematuhi arahan tersebut," katanya.

Ditanya mengenai cadangan Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) berhubung penubuhan Suruhanjaya Pendidikan yang disokong Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi semalam, beliau berkata, kementeriannya bersedia mendengar pandangan pelbagai pihak berhubung perkara itu.

"Namun secara peribadi saya berpandangan dua badan sedia ada iaitu Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan perlu diperkasakan bagi menyelaras dasar dan pelaksanaan di peringkat akar umbi.

"Ketika ini peranan SPP terhad kepada perkhidmatan perguruan saja sementara Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan sekadar berperanan untuk menasihati. Saya fikir kedua-dua badan ini perlu diberi mandat untuk bertindak sebagai pelaksana dasar," katanya.

Menurutnya, kementeriannya bagaimanapun akan duduk semeja dengan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi meneliti perkara yang disarankan itu.

HARIAN METRO, 27 NOVEMBER 2017

Kuala Nerang

Perkasa dua badan pendidikan sedia ada

Kementerian Pendidikan melihat dua badan pendidikan sedia ada di negara ini harus diperkasakan sekiranya cadangan penubuhan Suruhanjaya Pendidikan hendak direalisasikan.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, dua badan berkenaan adalah Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan yang dilihat memainkan peranan tertentu dalam kementerian.

"Kita menyokong cadangan yang dapat memastikan perjalanan pembangunan pendidikan negara kekal konsisten dan sentiasa dipantau dari aspek kualiti serta pelaksanaannya," katanya.

BERITA HARIAN, 27 NOVEMBER 2017

SYOR TUBUH SURUHANJAYA PENDIDIKAN

Kementerian sedia bincang saranan GPMS: Mahdzir

Dua badan berkaitan perguruan perlu dirombak

Oleh Petah Wazzan Iskandar
wazzan@bh.com.my

Padang Terap

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan perlu diperkasa jika penubuhan Suruhanjaya Pendidikan, direalisasikan.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata peranan kedua-dua badan itu perlu diperhalusi supaya selaras dengan dasar semasa.

"SPP sudah lama diwujudkan tetapi peranannya terhad kepada perkhidmatan perguruan sahaja. Maka, ia perlu dirombak semula dengan melihat aspek perkhidmatan seperti yang dilakukan sekarang dan sebagai penentu kepada pelaksanaan dasar pendidikan.

"Bagi Majlis Penasihat Pendidikan Kebangsaan pula, ia sebagai penasihat kepada dasar pendidikan negara.

"Majlis ini boleh dikaji peranannya dengan diberi mandat lebih luas, selain menasihati pelaksanaan dasar," katanya selepas menghadiri Kejohanan Bola Sepak Bawah 10 tahun Piala Menteri Pendidikan 2017 di Sekolah Kebangsaan (SK) Padang Terap, di sini, semalam.

Kaji cadangan GPMS

Beliau berkata, pihaknya menyokong sebarang cadangan untuk memastikan perjalanan pembangunan pendidikan negara kekal konsisten serta sentiasa dipantau dari aspek kualiti dan pelaksanaannya.

Katanya, cadangan penubuhan Suruhanjaya Pendidikan oleh Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) itu memerlukan kementeriannya berbincang dengan Kementerian Pendidikan Tinggi.

GPMS baru-baru ini, mahu kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Pendidikan berikutan kebimbangan terhadap sistem pendidikan yang sering berubah.

Ditanya mengenai dakwaan bahawa dasar pendidikan sering berubah setiap kali menterinya berubah sehingga menjadikan anak murid umpama tikus makmal, Mahdzir berkata, pendidikan negara mempunyai dua perkara berbeza iaitu dasar dan pelaksanaan.

"Sebelum saya jadi Menteri Pendidikan, ada juga dasar diubah seperti Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI), namun pada separuh jalan, ia dimansuhkan. Maka ia pernah berlaku.

"Bagaimanapun, apabila adanya Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, ia mempunyai hala tuju dan perancangan jelas. Setahu saya, sejak adanya pelan ini, tiada perubahan berlaku," katanya.

Rungutan guru

Mengenai rungutan guru yang mendakwa diarah hadir ke sekolah bagi penugasan pejabat ketika cuti sekolah, Mahdzir berkata, pihaknya akan mengeluarkan surat pekeliling khas kepada semua pengarah pendidikan negeri bagi memaklumkan perkara yang ditetapkan, minggu ini.

"Sejak sekian lama Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) yang menyatakan guru tidak perlu hadir ke sekolah pada musim cuti kecuali atas sebab rasmi seperti kursus atau peperiksaan sahaja sudah diedarkan.

"Saya difahamkan ada pihak abaikan perkara itu. Maka, kementerian akan menghantar surat peringatan khas kepada semua pihak pentadbir," katanya.

Pihak kami menyokong sebarang cadangan untuk memastikan perjalanan pembangunan pendidikan negara kekal konsisten serta sentiasa dipantau dari aspek kualiti, pelaksanaannya"

Mahdzir Khalid,
Menteri Pendidikan

PENGIKTIRAFAN

JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

SIJIL NAZIRAN CEMERLANG

2017

Naziran telah dijalankan selaras dengan Arahan Perbendaharaan 138 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 9 Tahun 2014.

Ketua Jabatan sebagai wakil Pegawai Pengawal Kementerian dan selaku pegawai perakaunan ketika melaksanakan tanggungjawab kewangan hendaklah mematuhi Piawaian Perakaunan Kerajaan, Pekeliling dan Surat Pekeliling yang berkuatkuasa, serta Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia di mana kewajipan Akauntan Negara telah diwakilkan kepada Pejabat Perakaunan.

Hasil daripada program naziran yang telah dijalankan oleh JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI SABAH pada tahun **2017** di

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

mendapati secara keseluruhannya, tahap pengurusan kewangan di jabatan ini adalah

CEMERLANG

di mana PTJ telah mematuhi Panduan Pengguna eSPKB dan semua peraturan yang berkuatkuasa.

(DR. YACOB BIN MUSTAFA C.A.(M))
TIMBALAN AKAUNTAN NEGARA (OPERASI)
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Excellent Accounting @ Your Service

Sijil Naziran Cemerlang 2017

TPP/C/2017/0431

MAMPU
BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri

Sijil Pengiktirafan

Dengan ini disahkan bahawa

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SABAH

telah memenuhi keperluan kriteria komponen

EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)

Kategori : CEMERLANG

Tarikh dikeluarkan : 15 April 2017
Sah sehingga : 14 April 2019

DATO' DR. MAZLAN YUSOFF
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA)

NO.SIRI : ICT/C/2017/0845

MAMPU
BERSAMA-SAMA MELAKSANAKAN TRANSFORMASI

Sijil Penghargaan

Dengan Sukacitanya
Pihak Kerajaan Malaysia Menganugerahkan Sijil
Kepada

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

Sebagai agensi yang telah menerima perkhidmatan Pusat Pemulihan Bencana dalam

Projek *Government Data Center 2* (GDC-2)

DATO' DR. MAZLAN YUSOFF
Ketua Pengarah
Unit Pemodenan Tadbiran dan
Perancangan Pengurusan Malaysia
(MAMPU)
Jabatan Perdana Menteri

Sijil Penghargaan Projek *Government Data Center 2 (GDC 2)*

PENGHARGAAN

SPP merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli Suruhanjaya yang telah tamat kontrak dan Urus Setia SPP yang telah bersara atau bertukar ke agensi lain dalam tahun 2017 atas sumbangan mereka sepanjang bertugas di SPP.

AHLI SPP - TAMAT KONTRAK

Bil	Nama	Tarikh
1	YBhg. Dato' Seri Abdul Rahman bin Hashim	04.02.2017
2	YBrs. Encik Awangku Ali bin Pg. Jumaat	06.05.2017
3	YBrs. Tuan Haji Osman bin Haji Abd. Aziz	04.12.2017
4	YBrs. Encik Morazuki bin Hashim	04.12.2017

URUS SETIA SPP - BERSARA

Bil	Nama	Tarikh
1	Puan Che Noriah binti Shuib	03.04.2017
2	Puan Hasemah binti Lebai Salleh	21.05.2017
3	Puan Fatree @ Monong binti Hj Ibrahim @ Benian	25.08.2017
4	Puan Marhani binti Ab Hamid	27.08.2017
5	Puan Yusniza binti Ismail	04.11.2017
6	Encik Abdullah @ Jahari bin Abidin	30.12.2017
7	Puan Halijah binti Daud	31.12.2017
8	Puan Maimunah binti Ismail	31.12.2017
9	Puan Norlidah binti Abu Bakar	31.12.2017

URUS SETIA SPP - BERTUKAR KELUAR

Bil	Nama	Tarikh
1	Puan Aina Shaharina binti Ahmad	03.01.2017
2	Puan Noor Ayu Azuani binti Mustafa	23.01.2017
3	Puan Noraismawinda binti Mohd Fauzi	23.01.2017
4	Puan Siti Norashikin binti Kamarudin	01.03.2017
5	Puan Maheran binti Ab Rahman	13.03.2017
6	Puan Percella binti Angin	27.03.2017
7	Encik Mohammad Iswandi bin Ibrahim	01.03.2017
8	Puan Siti Hanani binti Baharom	03.04.2017
9	Puan Ireen Goh	02.05.2017
10	Puan Maymon binti Adnan	08.05.2017
11	Encik Muhamad Al-Faizun bin Mohd Shafie	15.05.2017
12	Puan Faezah binti Muhammad Lana	29.05.2017
13	Encik Mohammad Hussin bin Mahmud	13.06.2017
14	Encik Rahamat bin Osman @ Othman	05.07.2017
15	Puan Noor Baizura binti Mamat	17.07.2017
16	Puan Faridah binti Agos Salim	04.09.2017
17	Puan Intan Zainab binti Mohd Bustan	19.08.2017
18	Puan Wan Nurulhidayah binti Samsudin	04.09.2017
19	Encik Noorhafezan bin Abd Majid	11.09.2017
20	Puan Norashikin binti Mohamed Nawawi	11.09.2017
21	Puan Nurmaya binti Mohd Maidin	18.09.2017
22	Puan Noriyani binti Abdul Wahed	30.10.2017
23	Puan Zarita binti Dato' Zainol Abidin	01.11.2017

GLOSARI

GLOSARI

AKP	–	Anggota Kumpulan Pelaksana
APP	–	Anggota Perkhidmatan Pendidikan
IPGM	–	Institut Pendidikan Guru Malaysia
UA	–	Universiti Awam
ISMP	–	Ijazah Sarjana Muda Pendidikan
KPM	–	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	–	Kementerian Pendidikan Tinggi
KPPM	–	Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
KWSP	–	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
PBM	–	Pihak Berkuasa Melantik
PDP	–	Pengesahan Dalam Perkhidmatan
PISMP	–	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PKP	–	Pegawai Khidmat Pelanggan
PM	–	Pembantu Makmal
PO	–	Pembantu Operasi
PPM	–	Pembantu Pengurusan Murid
PPP	–	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan
PPPT	–	Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi
PSTT	–	Pakej Setuju Terima Tawaran
PT (Kew)	–	Pembantu Tadbir (Kewangan)
PT (P/O)	–	Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi)
PTB	–	Pemberian Taraf Berpencen
PTP	–	Pelanjutan Tempoh Percubaan
SABK	–	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SLTP	–	Skim Latihan Tenaga Pengajar
SPP	–	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran
TFM	–	*Teach For Malaysia*

LAGU SPP

LAGU SPP

Tekad, tegas dan adil
Efisien dan amanah
Mengambil kira semua
Hasrat pelanggan

Tanpa mengira bangsa
Tanpa mengira masa
Kami tetap berkhidmat

Dalam mencapai wawasan
Kami pentingkan kualiti
Dalam transformasi dan misi bestari
Yang terbaik jadi pilihan

Bersama modal insan cemerlang
Hasrat negara didahulukan
Berlandaskan kod etika
Dengan hati yang suci

SPP dinamik, efektif dan berintegriti
SPP peneraju modal insan
Sektor pendidikan

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
(IBU PEJABAT PUTRAJAYA)
Aras 1-4, Blok B3,
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62526 Putrajaya
Tel: 03-8000 8000 Faks: 03-8871 7499

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SABAH
Aras 1, Blok A
Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Sabah
Peti Surat 11359, Jalan UMS-Likas
88450 Kota Kinabalu, Sabah
Tel: 088-488 521/522/523/524 Faks: 088-487 257

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN
URUS SETIA CAWANGAN SARAWAK
Tingkat 3 & 4, Blok 17, KCLD
Jalan Lapangan Terbang
93250 Kuching, Sarawak
Tel: 082-537 000 Faks: 082-537 027